

KL, Putrajaya, Labuan kini Wilayah bebas berniaga



MEMAHAMI keperluan rakyat untuk mencari pendapatan tambahan di kala pandemik COVID-19 melanda negara ini, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) membenarkan orang ramai untuk berniaga di mana-mana

tempat sesuai di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

Menteri Wilayah Persekutuan Tan Sri TPr Annuar Musa berkata kebenaran tersebut diberikan selama enam bulan bermula 15 November ini sehingga 15 April 2021.

BERITA LANJUT DI MUKA 3 & 4

Imbas kod QR untuk tonton video berkaitan.



#Belanjawan2021

Bina semula kehidupan di tiga wilayah

>> 9, 10, 11 & 16



Kiosk untuk rakyat

>>18

Taman 274 ekar di KL tak boleh digondol!



PELBAGAI usaha yang dilakukan kerajaan bagi memastikan kelestarian alam sekitar sejajar dengan pembangunan mampan di Kuala Lumpur sejak 2009, berhasil apabila Taman Persekutuan Bukit Kiara diwartakan Mac lalu.

Dengan pewartaan tersebut, taman yang berada di pinggir ibu negara itu bukan hanya menjadi 'green lung' malah terus terpelihara

dan tidak boleh 'diusik' oleh mana-mana pihak.

Langkah proaktif berkenaan juga dilihat mampu memberi sinergi kepada kehidupan berkualiti di bandar selaras perancangan untuk membangunkan taman awam berskala besar bagi menampung keperluan rekreasi warga kota.

BERITA LANJUT DI MUKA 2



Berhibur sambil makan udang galah di Putrajaya

>>21

Taman Persekutuan Bukit Kiara dibangunkan dengan konsep 'Park dan Arboretum'

Khazanah landskap negara dikekalkan

Oleh NAZWIN NAZRI
winwilayahku@gmail.com

MENYEDARI kepentingan kawasan hijau dan usaha untuk mewujudkan Bandar Dalam Taman di bandaraya Kuala Lumpur, sebuah taman berskala besar di Bukit Kiara yang berkeluasan 500 hingga 1,000 ekar dibangunkan bermula 2007.

Tindakan progresif itu kemudiannya menjadikan Jabatan Landskap Negara (JLN) sebagai agensi yang bertanggungjawab untuk merancang, mengawal selia, melaksana dan menguruskan Taman Persekutuan pertama di Malaysia.

Menurut Ketua Pengarah JLN, **Rotina Mohd Daik**, lokasi yang dikenali sebagai Taman Persekutuan Bukit Kiara (TPBK) itu dibangunkan dengan konsep 'Park dan Arboretum' melalui pengekalan ciri-ciri dan karektor asal yang unik serta bernilai tinggi berteraskan sumberjaya landskap sedia ada.

Jelas beliau, antara matlamat pembangunan TPBK adalah bagi menyediakan akses kepada pusat penyelidikan dan pembelajaran alam sekitar bertaraf antarabangsa yang dapat menyokong pengembangan industri landskap dan jaringan kerjasama serantau.



ROTINA

"Selain itu juga, Pembangunan TPBK adalah untuk menjadi sebuah taman rekreasi awam berskala besar yang mampu menampung keperluan riadah pelbagai lapisan masyarakat dengan mengekalkan ciri-ciri semulajadi tapak," ujarnya kepada *Wilayahku* pada Rabu.

Melihat kepada usaha inklusif berkenaan, kata Rotina, jabatannya dan beberapa agensi terlibat menggiatkan usaha untuk mewartakan keseluruhan lot-lot tanah di kawasan Bukit Kiara bermula 2009.

Ujar beliau, proses pewartaan adalah bertujuan untuk memastikan sumber semulajadi yang ada kekal sebagai khazanah aset landskap untuk negara di samping dapat memulihara, memelihara serta memperkaya flora dan fauna yang terdapat di taman tersebut.

"Akhirnya, setelah pelbagai tindakan dan usaha dilakukan JLN serta agensi kerajaan lain, sebahagian tanah yang berkeluasan 274 ekar diwartakan sebagai Taman Persekutuan Bukit Kiara pada 9 Mac 2020, baki keseluruhan kawasan pula akan diwartakan selepas beberapa urusan berkaitan selesai.

"Pewartaan itu sudah pastinya memberi faedah kepada penduduk setempat. Ini kerana pengekalan kawasan hijau dan sumber air semulajadi itu bukan sahaja menyediakan akses ke-



PENGUNJUNG Taman Persekutuan Bukit Kiara, Rachel Tai (kanan) dan Joanna Tay (kiri) meminum air semulajadi yang mengalir dari puncak bukit.

pada rekreasi berkonsepkan taman di bandar malahan menjadi habitat pelbagai jenis flora dan fauna.

"Ia sekaligus membolehkan pengunjung khususnya penduduk setempat menyaksikan secara nyata setiap biodiversiti dan khazanah negara," ujarnya sambil menambah usaha pewartaan mengambil masa hampir 10 tahun.

Dalam pada itu, mengulas tentang pembangunan taman pada masa hadapan, ujar Rotina, Jabatan Landskap Negara sentiasa komited dalam usaha memelihara kawasan landskap semulajadi sebagai aset negara.

Justeru, kata beliau, diharapkan TPBK dapat menjadi contoh dan rujukan kepada pembangunan mahupun pemuliharaan kawasan hijau di Malaysia serta luar negara.

Tambahnya, orang awam juga digalakkan untuk turut terlibat dalam usaha menyediakan persekitaran hidup berkualiti dan mampan. **W K**

Imbas kod QR untuk tonton video berita ini.



INFO Taman Persekutuan Bukit Kiara

- Pengurusan di bawah Jabatan Landskap Negara
- Dikategorikan sebagai Taman Awam Berskala Besar
- Keluasan melebihi 250 ekar
- Aktiviti yang dilaksanakan lebih dinamik seperti berbasikal lasak dan hiking

Taman Awam Bukit Kiara

- Nama asal Taman Rimba Bukit Kiara
- Pengurusan di bawah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)
- Dikategorikan sebagai Taman Komuniti
- Keluasan 14.515 ekar (termasuk kawasan Rumah Panjang)
- Untuk kegunaan masyarakat atau komuniti setempat
- Taman berkonsepkan hutan dalam bandar
- Bagi mereka yang berminat menganjurkan aktiviti seperti Hari Keluarga dan penggambaran boleh membuat tempahan melalui Jabatan Pembangunan Landskap dan Rekreasi di talian 03-26176386 /6402



Usaha pewartaan Taman Persekutuan sudah lama

Oleh NAZWIN NAZRI
winwilayahku@gmail.com

PERANCANGAN Pewartaan Taman Persekutuan Bukit Kiara, Kuala Lumpur telah dimulakan dan dimajukan di bawah penadbiran Perdana Menteri ketika itu, Tun Abdullah Ahmad Badawi.

Susulan pewartaan itu, ia berada di bawah kelolaan Jabatan Landskap Negara (JLN) dan diletakkan di bawah kawalan Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan.

Tegas Menteri Wilayah Persekutuan, **Tan Sri TPr Annuar Musa**, selepas usaha pewartaan dilakukan, hanya kira-kira 270 ekar tanah digazetkan manakala bakinya akan diwartakan selepas pajakan tanah kepada

syarikat swasta tamat.

"Kenyataan menteri pada masa itu (Khalid Abd Samad) adalah 404 ekar atau tujuh lot tanah tetapi sebenarnya yang telah digazetkan adalah 274.13 ekar.

"Kekurangan ekar tanah yang digazetkan pada bulan Februari 2020 dan dibetulkan pada Mac (tahun yang sama) adalah kerana terdapat lot tanah yang diberi pajakan kepada syarikat tertentu (pemancar satelit).

"Oleh kerana masih ada tujuh tahun berbaki maka pewartaan bagi 130 ekar ditangguhkan sehingga tempoh pajakan tamat dan ia akan diwartakan sebagai kawasan tambahan kepada Taman Persekutuan Bukit Kiara sekaligus melengkapkan jumlah asal, 404 ekar," jelas beliau.

Annuar berkata demikian bagi



RUANGAN khas yang dikenali sebagai Hawa antara lokasi tumpuan pengunjung khususnya kanak-kanak kerana dikelilingi tumbuhan herba selain mempunyai landskap yang cantik.

mengelakkan kekeliruan dalam kalangan orang ramai berikutan kenyataan Ahli Parlimen Segambut yang mendakwa Pewartaan Taman Persekutuan

Bukit Kiara diluluskan pentadbiran Pakatan Harapan (PH) bagi memenuhi janji Pilihan Raya Umum Ke 14 (PRU-14) kepada pengundi Segambut.

Mengulas lanjut tentang dakwaan itu, ujar Annuar, Taman Persekutuan Bukit Kiara yang dimaksudkan atau disebut sebagai Taman Awam Berskala Besar Bukit Kiara telah diumumkan hasrat pewartaan oleh Khalid Abd Samad (selaku Menteri Wilayah Persekutuan) pada 2 Disember 2019.

Jelasnya, pengumuman pada 21 Februari 2020 itu terdapat kesilapan dan ia kemudian digazetkan semula pada Mac 2020 seperti perancangan awal iaitu tanah yang dirizabkan adalah untuk taman awam dan zon arboretarium atau zon penanaman pokok hutan.

Dengan penjelasan itu, Annuar berharap isu berhubung taman berkenaan tidak dibangkit dan dikelirukan mana-mana pihak. **W K**

Perlu daftar untuk lesen sementara

DARI MUKA HADAPAN

“DENGAN persetujuan PBT di Wilayah Persekutuan iaitu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Perbadanan Putrajaya (PPj) dan Perbadanan Labuan (PL), Wilayah Persekutuan akan dikenali sebagai wilayah bebas berniaga atau wilayah galakan berniaga.

“Kita membenar dan menggalakkan rakyat untuk berniaga dan menjaja bagi menambah pendapatan. Kita juga akan memudahkan pengeluaran lesen dengan satu garis panduan yang akan dikeluarkan secara bertulis oleh DBKL beberapa hari lagi,” katanya kepada pemberita selepas menyerahkan gerai penjaja bergerak di Taman Desa Seputeh pada Selasa.

Menurut Annuar, mereka yang berminat hanya perlu menghubungi PBT yang berkaitan untuk melaporkan jenis perniagaan dan lokasi perniagaan.

“Jika perlu PBT akan pergi melihat kawasan perniagaan pemohon bagi memastikan kawasan tersebut tidak menimbulkan halangan kepada lalu lintas dan sebagainya. Mereka juga akan dibenarkan berniaga



INISIATIF terbaharu KWP membolehkan warga Wilayah Persekutuan menjaja pendapatan.

di tempat pilihan mereka.

“Lesen berniaga statik akan dikeluarkan dan kita masih perlu melesenkan kerana ia perlu direkodkan untuk kegunaan jangka masa panjang,” katanya.

Annuar berkata, warga Wilayah Persekutuan boleh membuat permohonan dan lesen sementara akan dikeluarkan secara automatik.

“Lesen akan dikeluarkan asalkan kawasan perniagaan itu tidak menimbulkan kekacauan dan peniaga dapat menjaga ke-

bersihan kawasan perniagaan.

“Mereka juga dinasihatkan agar tidak menimbulkan aduan daripada orang awam seperti menghalang lalu lintas atau mengambil lot-lot parkir milik PBT,” katanya.

Katanya, bagi mereka yang mahu meneruskan perniagaan selepas tempoh enam bulan yang pertama, PBT akan menyelaraskan kembali peniaga-peniaga tersebut mengikut amalan PBT berkenaan.

“Sekiranya pada waktu tersebut PKPB ditamatkan, pihak PBT akan menyelaraskan semula kedudukan peniaga-peniaga ini mengikut cara biasa

“Mungkin mereka akan ditempatkan di lokasi yang lebih tersusun dan balik semula kepada cara yang biasa dilaksanakan oleh pihak PBT.

“Cuma dalam tempoh PKPB ini, kita jadikan satu fleksibiliti dan mempermudah,” katanya.

Beliau berkata, keutamaan akan diberikan kepada warga Wilayah Persekutuan dan warganegara yang sah sahaja dibenarkan.

“Lesen boleh mohon sekarang di DBKL dan boleh memohon secara online manakala di PBT yang lain mereka boleh berhubung dengan PBT masing-masing.

“Jenis perniagaan ini terulang kepada mereka dan boleh menjual apa sahaja,” katanya sambil menambah bahawa penguatkuasa PBT akan menjadi fasilitator kepada peniaga-peniaga tersebut dan tidak membenarkan mereka menjalankan kerja-kerja penguatkuasaan. **W K**

REAKSI

Saya berharap kerajaan-kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan seluruh negara mencontohi perkara ini dengan memudahkan warga Malaysia untuk memohon lesen penaja / gerai.

Terima kasih kerana menolong Mary. Mungkin ada banyak yang seperti beliau yang memerlukan bantuan jika Ahli Parlimen dan ADUN memantau di kawasan masing-masing.

ZAILANI AWANG
Peniaga



Inilah yang selama ini diperlukan oleh peniaga kecil, pancing bukan ikan. Tolong mereka untuk terus berdiri.

Minta Kementerian Wilayah Persekutuan juga membuat susulan terhadap banyak lot dan premis niaga kosong milik PBT seperti PPj dan DBKL yang tidak diusahakan. Ini merugikan PBT dari segi pendapatan sewaan dan juga mencatatkan pemandangan sekitar.

HAIRUL HAFIZZAN
Kontraktor

INISIATIF yang diumumkan ini membolehkan semua pihak yang terjejas untuk terus mencari sumber pendapatan tambahan pada waktu genting ini.

Walaupun ia untuk enam bulan sahaja, orang ramai perlu memanfaatkan peluang ini dan mereka mesti mematuhi SOP yang telah ditetapkan agar ia tidak mendatangkan masalah.

SHAHRIUL IZLAN ABDUL GHANI
Stuntman



Ia merupakan berita gembira untuk penduduk Putrajaya dan perlu mengambil peluang di atas pengumuman tersebut.

Saya juga berharap, pegawai Perbadanan Putrajaya (PPj) dapat memudahkan urusan pemohon yang berminat. Diharap pihak kerajaan dapat membantu mereka mendapatkan barangan perniagaan dengan harga yang berpatutan

MUHD AFIQ MOHD AMIR
Pengusaha Grab Food

PENGUMUMAN Menteri Wilayah Persekutuan sedikit sebanyak dapat memberikan kelegaan untuk orang ramai yang terkesan disebabkan diberhentikan kerja kerana pandemik ini.

Saya harap semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dapat memainkan peranan untuk memudahkan orang ramai mula berniaga dan dalam masa sama juga agensi kerajaan yang lain seperti MARA dan TEKUN dapat membantu dalam membimbing peniaga ini untuk mereka terus berjaya.

NOOR SHALAHIN MD KAMAL
Bekerja sendiri



Mary terima gerai bergerak

Oleh AZLAN ZAMBRY

KISAH Nurjahan Maria-mah Abdullah, 45 atau lebih dikenali sebagai Mary yang tular di media sosial atas kegihannya menjaja nasi lemak menggunakan troli mendapat perhatian Menteri Wilayah Persekutuan, **Tan Sri TPr Annuar Musa** yang tampil menyumbangkan gerai penjaja kepadanya hari ini.

Beliau yang sebelum ini bekerja sebagai tukang cuci menjadi mangsa pandemik COVID-19 sehingga diberhentikan kerja pada Mac lalu dan sejak itu beliau menyara keluarga dengan menjual nasi lemak dan bihin menggunakan troli di sekitar Taman Desa bermula pukul 6.30 pagi sehingga 11.00 pagi.

Mary yang juga seorang ibu tunggal menyifatkan pemberian gerai penjaja bergerak ini sebagai satu rahmat kepadanya untuk maju dalam perniagaan.

“Saya mengucapkan terima kasih kepada Tan Sri Annuar kerana menyumbangkan gerai ini selain sebuah rumah untuk kami sekeluarga berteduh.



PEMBERIAN gerai penjaja bergerak dapat meningkatkan pendapatan Mary untuk jangka masa panjang.

“Saya akan mengingati sumbangan ini dan akan sentiasa berusaha untuk lebih berjaya dalam perniagaan,” katanya ketika ditemui *Wilayahku* pada Selasa lalu.

Dalam pada itu, Annuar berkata beliau mengetahui mengenai kisah Mary setelah melihat masalah wanita itu yang tular di laman Twitter.

“Terdahulu, Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan,

Datuk Seri Dr Santhara telahpun turun padang dan bertemu dengan Mary serta membawa laporan kepada saya.

“Melalui kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), pihak kerajaan mahu membantu beliau melalui pemberian lesen perniagaan serta geran penjaja bergerak kepadanya agar beliau dapat berniaga dengan betul serta menjaga kebersihan di tem-

pat yang dibenarkan,” katanya kepada pemberita selepas menyampaikan gerai penjaja bergerak sumbangan Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) kepada wanita itu di Jalan Desa Utama, Taman Desa Seputeh pada Selasa.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif YWP, Zaizalnim Zainun dan Ketua UMNO Bahagian Seputeh, Datuk Mustapa Kamal Mohd Yusof.

Annuar yang juga Pengerusi YWP berkata, pihaknya juga turut menawarkan sebuah rumah di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Seri Cempaka kepadanya.

“Ketika ini beliau terpaksa menyewa sebuah rumah dengan kos kira-kira RM700 sebulan dan melalui penawaran rumah PPR tersebut, ia dapat membantu beliau dalam meringankan beban pendapatan keluarganya.

“Dengan sumbangan ini, kami harap beliau boleh berniaga dengan baik, pendapatannya juga dapat bertambah dan beliau sekeluarga dapat melalui tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dengan lebih baik lagi,” katanya. **W K**